

Tandakan betul pada pernyataan yang betul dan salah pada pernyataan yang salah.

Contoh:

Sarapan terbahagi kepada sarapan tempatan dan sarapan antarabangsa. betul

- 1) Sarapan tempatan terbahagi kepada 3 jenis iaitu Melayu, Cina dan India.
- 2) Sarapan antarabangsa terbahagi kepada 2 jenis iaitu *continental breakfast* dan *American breakfast*.
- 3) Sarapan pagi tidak penting untuk diambil.
- 4) Sarapan pagi dapat merangsang organ dalam untuk bergerak.
- 5) Hidangan sarapan pagi boleh menggunakan bahan yang tidak segar.
- 6) Ciri utama masakan tradisional Melayu ialah penggunaan rempah ratus yang sedikit.
- 7) Sarapan *Continental* berasal dari negara Eropah.
- 8) Sarapan *Continental* yang dihidangkan biasanya berat dan banyak.
- 9) Contoh minuman bagi sarapan *continental* adalah teh dan kopi.
- 10) Hidangan *American Breakfast* biasanya dihidangkan dalam porsi yang banyak.
- 11) Contoh hidangan *American Breakfast* adalah telur, daging, sosej dan wafel.
- 12) Set ialah satu hidangan yang terdiri daripada beberapa menu makanan dan mempunyai harga yang tetap.
- 13) Nasi lemak dan nasi kerabu adalah sarapan pagi kaum India.
- 14) Dim sum dan Teow Chew Porridge adalah sarapan pagi kaum Cina.
- 15) Produk bakeri, jus buah-buahan dan potongan buah adalah dari jenis hidangan *American Breakfast*.